# Dinar dan Dirham: Di mana Kekuatan dan Praktikalitinya?.

Zulkifli Hasan
Seminar Sistem Islam
19 Mac 2011
Universiti Manchester

- *Abu Bakr ibn Abi Maryam meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Masanya akan tiba apabila tidak ada apa pun yang berguna kecuali dinar dan dirham. (Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal).*

# Isi Kandungan

- Abstrak
- Evolusi Matawang
- Wang Dinar dan Dirham
- Wang Fiat
- Isu dan Implikasi Wang Fiat
- Persoalan Dinar dan Dirham: Ideal, Realiti dan Praktikaliti
- Penutup

# Abstrak

*Krisis kewangan yang melanda melibatkan kerugian dahsyat yang pernah direkodkan dalam sejarah dunia. Pasaran Modal dianggarkan kerugian sebanyak USD30-35 trilion, sektor hartanah, USD60 trilion dan sektor kewangan, USD3 trilion. Kos untuk menampung bencana alam seperti gempa bumi, tsunami, taufan dan sebagainya dari tahun 1970-2007 hanya memerlukan USD745 billion. Michael Spence pemegang Anugerah Nobel Ekonomi dan Muhammad Umer Chapra pemegang Anugerah Ekonomi Islam menyatakan faktor utama krisis kewangan dunia adalah disebabkan instrumen derivative dan sekuriti. Muhammad Nejatullah Siddiqi pemenang Anugerah Antarabangsa Raja Faisal bersependapat bahawa eksploitasi pasaran dan instrumen kewangan melibatkan hutang berlebihan menyumbang kepada krisis kewangan. Sekumpulan ilmuan yang digelar "Dinarist" menarik perhatian dunia apabila mengkritik hebat sistem matawang fiat diamalkan yang dilihat sebagai punca sebenar krisis yang melanda dunia. "Dinarist" berpandangan bahawa dinar dan dirham yang telah diamalkan ribuan tahun dalam sejarah dunia merupakan sistem matawang yang ideal dan mampu mengelak krisis ekonomi pada masa akan datang. Di kala "dinarist" teruja dengan idea ini, ramai cendiakawan mempersoalkan kewajaran dan keberkesanan dinar dan dirham sebagai matawang dalam konteks sistem sedia ada. Kertas kerja ini akan cuba membicarakan isu dinar dan dirham dan merungkai serta menjawab beberapa persoalan yang masih menjadi dilema sehingga kini.*

# Realiti Umat Islam

- 57 Negara OIC iaitu 25% drpd jumlah keluasan dunia dan 70% drpd pengeluaran minyak dunia. GDP hanya 4.7% drpd GDP dunia, eksport hanya 7.9% drpd jumlah eksport dunia dan 1.3% drpd perdagangan dunia
- Negara OIC GDP melainkan Turki dan Indonesia adalah kecil drpd sykt disenarai bursa saham di barat. GDP Malaysia pd 2009 hanya US$193 billion, bersamaan dengan "market capitalisation" Google.
- Drpd 57 negara, hanya ada 500 universiti, bersamaan dgn 1 universiti=3 juta muslims dan purata 8.7 universiti setiap negara. Di Amerika sahaja ada 5,758 universiti purata 115 universiti setiap negeri.
- Negara OIC hanya keluarkan 500 PhD setahun. India 3,000 dan 5,000, UK.
- 1.6 billion Muslims. Qatar no. 1 pendapatan perkapita di dunia $83,841 dan Brunei no. 5 $49,110. 7 negara OIC diklasifikasi negara pendapatan tinggi ttp 22 negara "Low-income countries" dan "Heavily Indebted and Poor Countries".
- 70-85% drpd 1.6 billion Muslims are classified as "non-bankable". 50% hidup dibwh garis kemiskinan dan miskin tegar.
- 25% Muslims tiada akses pada kemudahan perubatan dan air bersih.
- Semua negara teluk dan majoriti negara OIC malah pakar ekonomi merekodkan 1/3 negara di dunia "pegged their currency" pada dollar.

# Evolusi Matawang

- Era Sistem Barter: “pure self-sufficiency”
- Era Wang Komoditi: Vanilla, Tulip, Garam,
- Era Wang Logam (Bimetallism): Dinar, Dirham dan Fulus
- Era Wang Fiat: Wang kertas, syiling dan “accounting money”.

# Samb…

- Zaman Rasulullah SAW (570-632): Dinar dan Dirham
- Khalifa Al Rashidun 632-661 M): Dinar dan Dirham
- Ummayyad (661-750 M): Matawang Rasmi Dinar dan Dirham (Khalifah Abdul Malik ibn Marwan 705M)
- Abbasid (749-1258 M): Matawang Rasmi Dinar dan Dirham
- Ottomans (1324-1691M): Matawang Rasmi Dinar dan Dirham
- Revolusi Industri dan Perang Dunia 1 (1880-1914): Wang fiat: Piawaian Emas
- Depresi Ekonomi (1918-1939): Wang fiat: Piawaian Emas di Mansuhkan
- Perang Dunia Kedua dan Bretton Woods (1944-1970): Wang fiat: Piawaian Emas dan IMF
- Bretton Woods di mansuhkan (1971-sekarang): Wang fiat tanpa apa-apa sandaran. Negara2 IMF bebas untuk pilih matawang dan pertukaran matawang (kecuali bersandarkan emas).

# Sejarah Signifikansi Sistem Kewangan




Source: (Nagaoka, 2010)

# Dinar dan Dirham

- Dinar: Bahasa Yunani dan Latin atau bahasa Aramaic-Persia "Denarius".
- Dirham: "Drahms", orang Sassan di Persia/ "Drachma" orang Yunani.
- Dinar dan Dirham dlm Quran: Cnth Dinar (Al Imran: 75) Dirham (Yusuf: 20).
- Rasulullah tidak menempa apa2 matawang ttp menerima pemakaian dinar dan dirham.
- Zaman Khalifah Umar, Uthman, Muawiyah telah tempa dirham dan masukkan kalimah *Tauhid*.
- Zaman Abd Malik Marwan: Matawang Rasmi Dinar dan Dirham berdasarkan piawaian yg seragam.

# Sekilas Pandang

- Penggunaan matawang selain dinar dan dirham tidak menjadi isu pada zaman Rasulullah, Umayyad dan Abbasid.
- Dinar dan Dirham matawang utama tetapi *fulus (copper) juga digunakan*. Ibn Taymiyyah dan Ibnu al Qayim menerima amalan ini
- Penggunaan wang selain Dinar dan Dirham hanya menjadi isu utama pada zaman Kerajaan Mamluks (1382M), apabila penggunaan "copper-based money" secara berleluasa. Faktor utama krisis ekonomi yang berlaku pada 1404M.
- Ibn Khaldun (d. 1405M) dan al-Maqrizi (d. 1441M): matawang hanya pada 2 logam iaitu Emas dan Perak.

# *Persepakatan Fuqaha' Berkenaan Wang*

- Harta sbhgn drpd *Maqasid Shari'ah* dan matawang sebahagian darinya.
- *Shari'ah* menggalakkan penggunaan wang untuk transaksi bukan sistem barter.
- Islam menerima Dinar dan Dirham sbg wang.
- Rasululllah SAW membenarkan penggunaan dinar dan dirham.
- Dinar dan Dirham adalah stabil berbanding matawang lain.
- Kerajaan mempunyai hak atau autoriti untuk tempa, keluarkan dinar dan dirham.
- Wang adalah "medium of exchange" and "measure of value" bukan komoditi.
- Illah riba ialah berdasarkan fungsi "a measure of value" dan "medium of exchange (*thamaniyyah*)", walaupun Hanafi dan Zaydiyyah Shi'I melihat bahawa *'illah riba'* ialah berat (*wazn*) dinar dan dirham.

# Pandangan Matawang Terhad Pada Dinar dan Dirham

- Hanya dinar dan Dirham sbg matawang.
- Hukum wang berkenaan riba juga berkaitan dgn dinar dan dirham. Illah riba juga hanya pada dinar dan dirham.
- Hanafi: Abu Hanifah and Abu Yusuf;
- Maliki: Ibn Nafi‘, al-Adawi, Shaykh ‘Alish
- Maliki: Minoriti fuqaha mazhab Maliki
- Shafi'i: Al-Ghazali, al-Nawawi, al-Suyuti dan al-Maqrizi
- Hanbali: Mujahid dan Nakha‘i.
- Kontemporari: Shaykh Ahmad al-Khatib, Shaykh ‘Abd al- Rahman al-Sa‘di, Ibn Badran, Ahmad al-Husayni, Shaykh al-Muti‘I, Shaykh Muhammad Amin al-Shanqiti,Taqi al-Din al-Nabhani, Muhammad Baqir al- Sadr, Muhammad Makhluf, Hassan Ayyub and Nasir Farid Wasil.

# Dalil

- 1. **Sunnah Taqririyyah** i.e. Rasulullah membenarkan penggunaan dinar dan dirham.
- 2. **Mu‘amalah dan ‘ibadah maliyyah semuanya menggunakan dinar dan dirham.** Cnth: Pengiraan zakat, diyah, had sariqah dan juga exchange transactions
- 3. **Dlm al Quran menunjukkan dinar dan dirham digunakan sbg matawang**. Cnth: (Al-Tawbah: 34 larang sorok emas dan perak). (Al-Imran: 75, 91 fungsi emas dan perak sbg "store/measure of value"); (Yusuf: 20 emas dan perak sbg "a measure of value" dan "medium of exchange"); (Al-Kahf: 20 Perak digunakan sbg "medium of exchange").
- 4. **Ijma' al-Sahabah**: menerima amalan wang dinar dan dirham.
- 5. **Dinar dan Dirham** adalah wang sifatnya.
- 6. **Terdapat hadith riwayat Ibn Majah** yang melarang kerosakan pada sistem matawang Islam yg dirujuk sbg dinar dan dirham.

# Samb.. Dalil..

- 7. **Shafi'i and Maliki menghadkan 'illah of** ***thamaniyyah*** pada emas dan perak sahaja.
- 8. **Hukum larangan penggunaan emas dan perak utk lelaki** menunjukkan fungsinya sbg matawang.
- 9. **Emas dan Perak adalah stabil** dan untuk capai keadilan dalam sistem matawang perlu wang yng stabil.
- 10. **Zakah diwajibkan pada emas dan perak** apa sahaja digunakan kecuali perhiasan yg digunakan.
- 11. **Sorok emas dan perak diharamkan,** menunjukkan ianya perlu digunakan sbg matawang.
- 11. Walaupun fulus blh digunakan zaman Rasulullah **tetapi tiada satu hadith berkaitan riba pada fulus** dan juga tiada hadith zakah pada fulus.

# Pandangan Matawang Tidak Terhad Pada Dinar dan Dirham

- **Fuqaha menerima fulus** termasuk wang fiat sbg matawang.
- Illah riba bukan terhad pada emas dan peraka tetapi **apa sahaja yg digunakan sbg matawang.**
- Hanafi: al-Shaybani;
- Maliki: al-Hattab dan al-Wansharisi;
- Shafi‘i; Majoriti
- Hanbali : Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim
- Zahiri: Ibn Hazm;
- Tabi‘un: Laith ibn Sa’ad and Al-Zuhri
- Majoriti kontemporari: Yusuf al-Qaradawi, Muhammad Taqi Usmani, ‘Abd Allah Sulayman al-Mani‘, Majma Fiqh Islami dan AAOIFI.

# Dalil

- 1. Walaupun sunnah *taqririyyah* sokong pandangan emas dan perak sbg wang, ianya tidak blh ditafsirkan sbg menghadkan pada 2 logam ini shj. *Cnth*. Khalifah Umar cdg guna kulit unta jd wang ttp disanggahi oleh para sahabat. 2 maksud: i. Umar berpndgn bahwa bukan emas dan perak shj matawang. ii. Alasan sahabt menolak kerana akan sbbkan kekurangan unta.
- 2. Prinsip *ibahah*. *Al-asl fi al-ashya [ghayr al-'ibadah] al-ibahah illa idza ma dalla al-dalil 'ala khilafi-hi*.
- 3. Wang dikategori dalam *al-masalih al-mursalah:* Authoriti mempunyai bidangkuasa untuk tentukan jenis matawang. Abd al-Malik ibn Marwan tempa dinar standard pada 76 AH. Sblm itu dinar dan dirham tidak ditempa oleh kerajaan Islam. Ini menunjukkan kerajaan berhak untuk tentukan jenis wang berdasarkan kemaslahatan masyarakat.

# Samb…Dalil

- 5. **Urf dan amalan masyarakat**. Wang sbg "a medium of exchange" dan "measure of value". Bukan hanya terhad pada emas dan perak.
- 6. **Tujuan al-shari'ah adalah utk elakkan kesusahan**. Bnyk kesusahan yg dibawa jika hanya emas dan perak digunakan sbg matawang.
- 7. **Menerima hanya emas dan perak sbg wang akan sebabkan bbrp tuntutan shari'ah sekrang ini tidak ditunaikan**. Jika hanya pada emas dan perak muslim tidak perlu bayar zakat pada simpanan wang dan juga tak terlibat dgn riba sebab ianya bukan harta ribawi.
- 8. **' Illah thamaniyyah bukan terhad pada emas dan perak** tetapi pada matawang secara umum (Ibn Taymiyyah).
- 9. Walaupun ada ayat Quran larang sorok emas dan perak, **ayat ni tak pernah bermaksud ianya mengehadkan wang pada emas dan perak** sahaja.

# Wang "fiat"

- **Latin: 'let there be'**
- **Wang fiat sbg "medium of exchange by government declaration"**
- **Wang fiat adalah wang yg tidak disandarkan pada apa-apa "physical good or commodity".**
- **Nilaian wang fiat atau kuasa beli adalah berdasarkan penerimaan awam, "government decree" dan "relative scarcity".**
- **Wang tunai, cek atau nota bank.**
- Wang kertas digelar fiat kerana ia bukan berbentuk komoditi tetapi dikeluarkan oleh pihak tertentu dan dijamin nilainya oleh pihak yang mengeluarkan.

# Evolusi Wang Fiat

- <u>Sebelum Abad ke 19:</u> Wang fulus digunakan ttp Dinar dan Dirham masih matawang utama.
- <u>Selepas Abad ke 19: Era Wang Fiat Matawang Utama</u>
- Revolusi Industri dan Perang Dunia 1 (1880-1914): Piawaian Emas
- Depresi Ekonomi (1918-1939): Piawaian Emas di Mansuhkan
- Perang Dunia Ke2 dan Bretton Woods (1944-1970): Wang kertas disandarkan pada piawaian Emas. Dolar matawang rizab dunia dengan jaminan USD35=1 auns emas.
- <u>1971:</u> Dolar tidak lagi bersandarkan kepada emas. Dolar ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran pasaran tukaran wang asing. Negara bebas mencetak wang kertas tanpa apa-apa rizab.
- <u>1997:</u> Robert Mundell, Nobel Laurette, panggilan untuk kembali kepada piawaian emas.
- <u>2010:</u> Robert Zoalick, Presiden Bank Dunia panggilan untuk sistem piawaian emas baru.

# Matawang Dunia

| | |
|---|---|
| US Dollar USD | Ringgit Malaysia MYR |
| Australian Dollar AUD | Kuwaiti Dinar KWD |
| Euro EUR | Philippines Peso PHP |
| Indian Rupee INR | Saudi Riyal SAR |
| Rupiah IDR | Swiss Franc CHF |
| Iranian Rial IRR | Swedish Krona SEK |
| Yen JPY | Baht THB |
| South Korean Won KRW | |
| Pound Sterling GBP | |

# Wang fiat: Perspektif Fiqh

- Konferens Ketiga Majma Fiqh Islamic di Amman Jordan, 16 Oktober 1986.
- "*Fiat money is a currency that stands with its own value. Its rule is similar with the rule of gold and silver. Thus, it is treated as one of zakatable as well as ribawi (usurious) items*".
- Resolusi Majlis Shari'ah (AAOIFI) pada tahun 2000

# Dalil

- Qiyas: Fuqaha qiyaskan wang fiat pada emas dan perak yg digunakan sbg matawang. Illah: Ada "monetary value".
- *Istihsan*: Wang fiat diterima pakai diseluruh dunia dan penggunaannya di pasaran domestik dan antarabangsa.
- *'Urf*: Amalan masyarakat selagi tiada nas yg jelas mengharamkan (al 'urf al `am).
- *Masalih mursalah*: kebajikan, kemaslahatan umah.
- *Sad al-dharai': Mengelakkan kemafsadatan*.
- Ulama *usul fiqh* berpandangan penggunaan wang fiat selari dgn usul dan *maqasid* Shari'ah.

# Permasalahan Wang Fiat

- "Seigniorage"?
  - Wang kertas dan Syiling
  - Lain-lain "Accounting Money"
- "Money Created Out of Nothing"
- "Seigniorage is the benefit obtained by the first user of the fiat money, that is, the bankers in the case of credit money, and the government in the case of currency notes and coins".
- Berlainan Dinar dan Dirham serta piawaian emas, wang fiat tidak disandarkan pada apa-apa komoditi.
- 1970an: US$35= 1 auns emas.
- Mac 2011: 1 auns emas= USD1,397.74

# Sumber Seigniorage

- Fuqaha tidak membicarakan isu "*seigniorage*" pada wang fiat. Perlunya ijtihad.
- Tiga Sumber "Seigniorage"
  - Wang kertas dan syiling: Kerajaan
  - "Fractional Reserve Requirement": Bank
  - Faedah: Bank
- Nobel Laureate, Robert Mundell (1997): "*The Federal Reserve as the greatest engine of inflation ever created, pumping out billions of dollars, which other nations collect as reserves*".

# Wang Kertas dan Syiling

- Cetak wang: "Quantitative Easing"
- Cnth: USD100, kuasa beli 100 USD tetapi kos cetak wang tidak sampai 80 sen. Perbezaan nilai 100-0.80=99.20 USD adalah "Seigniorage".
- Cnth: Zimbabwe. Januari 2008, Bank Negara Zimbabwe cetak wang ZWD170 trillion.
- Kesannya, Hyperinflation, di mana inflasi pada kadar 100,000% (Januari 2008)
- Gaji pekerja sekitar ZWD30juta sebulan.
- 2009: ZWD dimansuhkan dan USD jadi matawang.

# "Fractional Reserve Requirement"

- Malaysia, Mac 2011, Statutory Reserve Requirement (SRR) ratio adalah sebanyak 2%.
- Setiap wang yg dideposit di bank mesti dijamin oleh bank tetapi bank dibenarkan untuk beri pinjaman daripada deposit yg diterima.
- Cnth Wang kertas RM100 didepositkan di bank. Jika SRR 20% Bank boleh cipta wang sebanyak RM400 melalui pinjaman. Maksimum wang yg blh dicipta adalah sbnyk RM500.

# Faedah

- Faedah merujuk kpd nilai faedah yg ditetapkan oleh bank melalui pinjaman termasuk kredit kad.
- Cnth: Wang dicetak RM100. Jika SRR 20% bank boleh "create money" sebanyak RM400 dan jumlah "money supply" ialah RM500. Jika RM400 ini dipinjamkan kpd pelanggan dlm masa 3 thn pada kadar 10%, jumlah yg perlu dibayar ialah RM532.40.
- Akhirnya, wang RM100 kini menjadi RM500 melalui FRS dan ditambah dgn kadar faedah sbnyk RM32.40.
- Dari mana dtgnya RM32.40

# Dilema

- **Wang fiat tanpa bersandarkan apa-apa komoditi menimbulkan isu riba**. Hingga kini fuqaha tidak membicarakan isu “seigniorage”.
- Penciptaan wang melalui cetakan wang kertas dan syiling, FRS dan faedah akibatkan ramai **berhutang seumur hidup**.
- **Inflasi kewangan.**
- **“Asset price bubbles”:** Terutama sektor hartanah dan pasaran kewangan termasuk pasaran saham.
- **Terdedah pada spekulasi matawang**. Cnth: 1997, RM jatuh RM2.47 daripada RM4.80=USD1 Zimbabwe: Matawang tidak laku.
- “Debt Bubbles”: Apabila berlaku NPL akan terjadi “**Recession**” dan akan akibatkan pengangguran dan kesempitan hidup.
- “**Mismatch in the risk profiles of fiat money and the real economy**”
- Bank cipta wang melalui FRS iaitu deposit orang ramai dan **buat wang menerusi pinjaman kepada korporat dan ahli perniagaan**.
- Penggantungan kepada USD sbg matawang utama dunia mengakibatkan **ketidakstabilan.**

# Lahirnya Dua Mazhab Matawang

- 1) Dinarist- Robert Mundell, Rais Umar Vadillo, Masudul Chowdury, Tarek Al Diwany, Ahamed Kameel Myden Meera, Imran Hussein.
  - Perlu kembali kpd Dinar dan Dirham atau piawaian emas. (3 aspek: “Real money”, 100 “reserve requirement” dan tiada “faedah”)
- 2) Non-Dinarist: Zubair Hassan, Murat Cizakca, Munzer Kahf, Muhammad Umer Chapra, Mahmoud ElGamal.
  - Dalam sistem kewangan kini, mustahil atau tidak relevan untuk kembali kpd Dinar dan Dirham atau Piawaian Emas.

# *Adakah Dinar dan Dirham Tuntutan Islam?*

| Dinarist | Non-Dinarist |
|---|---|
| ▪Sejarah Islam sejak zaman Rasulullah gunakan dinar dan Dirham: Ibnu Khaldun sejarawan tersohor sgt menekankan penggunaannya.<br>▪ Shari'ah menunjukkan sifat matawang pada dinar dan Dirham.<br>▪Bnyk ayat alQuran menyebut dinar dan dirham dalam pelbagai perkara.<br>▪ Terdapat ketidakadilan pada penggunaan wang fiat (seigniorage) | ▪Menerima wang fiat sbg matawang.<br>▪ Prinsip *ibahah'* dan *maslahah*<br>▪Zaman Ottoman: Nilai setiap Dinar dan Dirham berdasarkan kos tempa+ seignorage+ harga emas dan perak di pasaran.<br>▪Penggunaan dinar dan dirham dalam konteks sistem sedia ada adalah tidak Islamik kerana terdedah kepada *gharar* dan spekulasi serta bnyk kemafsadatan. |

# *Adakah Dinar dan Dirham Stabil?*

| Dinarist | Non-Dinarist |
|---|---|
| ▪Emas dan Perak adalah stabil.<br>▪Professor Roy Jastram (1977) buktikan bhw emas adalah sgt stabil berdasarkan data 400 tahun "wholesale price index data".Kuasa beli emas sgt stabil walaupun perang, krisis dan bencana alam.<br>▪ Nilai emas dan perak adalah nilai sebenar.<br>▪ Emas dan perak sangat bernilai dimana2 dan sesiapa sahaja.<br>▪Nilai emas tidak stabil kerana ianya disandarkan pada USD. | ▪Emas dan Perak stabil tetapi tidak jamin kestabilan. Perlu pada " monetary management".<br>▪Wang fiat jika baik pengurusan dan tadbir urus polisi kewangan juga akan jamin kestabilan.<br>▪Dinar emas akan terdedah kepada spekulasi memandangkan harga emas juga turun dan naik<br>▪1440-1600- Inflasi di Eropah<br>▪Ottoman Abad ke 15- Inflasi akibat peningkatan "money supply" melalui penemuan emas. |

# Adakah Dinar dan Dirham Efisyen?

| Dinarist | Non-Dinarist |
|---|---|
| ▪ Dinar dan dirham digunakan lebih 6000 thn dan berfungsi secara berkesan.<br>▪ Jika dinar sbg "common currency" negara di dunia, tidak perlu "exchange rate" dan tiada "currency speculation".<br>▪ Penggunaan wang fiat membuka peluang spekulasi matawang. | ▪ Fulus zaman Mamluk buktikan perlunya matawang selain dinar dan dirham.<br>▪ Sistem wang fiat terbukti berkesan.<br>▪ Guna dirham dan dinar shj sebabkan kesukaran dalam banyak transaksi.<br>▪ Penggunaan dinar galakkan "hoarding" tujuan keuntungan. |

# Adakah Dinar dan Dirham Praktikal?

| Dinarist | Non-Dinarist |
|---|---|
| ▪ Dinar dlm bntk “nyata” tidak perlu bnyk dipasaran krn adanya “electronic payment system” dan “velocity of money circulation”.<br>▪ Walaupun bekalan emas dikuasai negara tertentu, ttp mereka tetap perlukan komoditi lain spt makanan dan minyak. “Gold circulation” akan ttp berlaku.<br>▪ Penemuan emas tidak sbbkan inflasi krn pengeluar emas akan rugi jika inflasi. | ▪ Jumlah emas yg terhad<br>▪ Bekalan emas dikuasai oleh negara bukan Islam (SA: 11.8%, USA: 10.4%, China: 8.9% and Rusia: 7.2%).<br>▪ Gharar: Spekulasi pengeluar emas dan sbbkan inflasi. |

# Adakah Dinar dan Dirham Jawapan kepada Krisis Ekonomi?

| Dinarist | Non-Dinarist |
|---|---|
| ■Dinar atau piawaian emas alternatif terbaik<br>■ Piawaian emas blh dianggap sbg *sanad al-dayn* (debt 'guarantee') or jaminan kerajaan.<br>■"Monetary Inflation" dapat dielakkan.<br>■"Great Depression" 1930an bukan disebabkan "gold standard" ttp cukai yg sgt tinggi dan cetak wang kertas melebihi "gold reserve". | ■ "Money supply" menerusi wang fiat membolehkan perkembangan ekonomi.<br>■Pntg utk projek infrastruktur berskala besar.<br>■ Dinar tidak boleh berfungsi sebegini kerana ianya bergantung kepada jumlah emas. Ini akibatkan polisi kewangan ditentukan oleh pengeluaran dan penemuan emas.<br>■Jika "money supply" tidak boleh "accommodate output expansion" akan berlaku deflasi.<br>■Dinar tidak menghalang inflasi berlaku apabila "money supply" tidak dikawal.<br>■Gresham's law: "Bad money drives out good money".<br>■"Great Depression" 1930an: Piawaian Emas. |

# Adakah Sah Di Sisi Undang-undang?

| Dinarist | Non-Dinarist |
| --- | --- |
| ▪Perlu pinda peraturan IMF<br>▪Perlu akta baru atau pindaan undang2 dan autoriti BNM utk kawal penggunaan.<br>▪Tiada masalah jika guna untuk "bilateral/ multilateral trade arrangement". | ▪S2 MCRA 1975– unit matawang adalah ringit dibahagikan kpd 100 sen.<br>▪Guna dinar dan dirham sbg matawang menyalahi undang-undang Malaysia.<br>▪S 2 (b) of "Article iv the IMF article of agreement"- Gunakan dinar sbg matawang menyalahi peraturan IMF. |

# Adakah praktikal dari perspektif politik?

| Dinarist | Non-Dinarist |
| --- | --- |
| ■ Selagi ada "political will" ianya blh dilaksanakan.<br>■Blh dimulakan melalui perdagangan a/bangsa i.e. "bilateral dan multilateral trade arrangement".<br>■Sgt penting utk kurangkan pergantungan kepada USD sbg matawang dunia. Dolar mendominasi matawang dunia dan hanya Amerika menikmati seignorage melalui pengeluarannya. | ■ Dinarist tidak membicarakan bagaimana dinar boleh diaplikasikan dari perspektif politik.<br>■ Sukar dilaksanakan kerana kerajaan akan hilang "monetary authority" dan tidak blh laksanakan "monetary stabilization policies".<br>■Penggunaan "common currency" utk negara Islam lebih utama.<br>■Pengaruh "international bankers" |

# Penutup

- Terdapat ketidakadilan dan kecacatan pada sistem matawang sedia ada.
- Keperluan ijtihad bagi isu *seigniorage* pada wang fiat.
- Inisiatif kembali kpd dinar dan Dirham merupakan usaha yg murni dan mempunyai justifikasi yang kuat.
- Di dalam konteks sistem sedia ada, terdapat banyak cabaran dan isu berbangkit yang perlu diberi perhatian sblm ianya boleh dilaksanakan.
- Umat Islam perlu menggembleng tenaga dan pemikiran ke arah sistem matawang yang lebih adil yg bukan sahaja menepati hukum Syarak tetapi berkesan dari semua aspek termasuk ekonomi, kewangan, pengurusan, politik dan sosial.

# Terima Kasih

Zulkifli Hasan
E-mail: zul361977@yahoo.com
z.b.hasan@durham.ac.uk
Blog: http://zulkiflihasan.wordpress.com
Tel: +44 (0) 7761457686